

Wanita dituduh buat akujanji palsu

B.H 13/5/09 MS 17

PETALING JAYA: Seorang Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua tuduhan mengikut Akta Syarikat 1965 termasuk membuat akujanji palsu bagi mendorong sebuah syarikat men-depositkan RM10.3 juta ke akaun syarikat tertuduh, pada Mei hingga Jun 2007.

Tertuduh, Noorizan Shukor, 59, mengaku tidak bersalah selepas semua tuduhan dibacakan di depan Hakim Balqis Aini Mohd Ali dan memohon untuk dibicarakan.

Bagi tuduhan pertama, Noorizan sebagai CEO Syarikat Oriental Petroleum Sdn Bhd, dituduh membuat akujanji palsu kepada Cito Marketing (M) Sdn Bhd berhubung pembekalan diesel Petronas bertujuan mendorong syarikat itu men-depositkan wang RM10,320,750 ke dalam akaun syarikatnya.

Dia melakukan kesalahan itu di Nombor 11, Jalan SS15/4B, Subang Jaya di antara 28 Mei dan 22 Jun 2007.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 366 (1) (a) Akta Syarikat 1965, jika sabit ke-

salahan boleh dihukum penjara maksimum 10 tahun atau denda maksimum RM250,000 atau kedua-duanya.

Noorizan yang diwakili peguam M Stanislaus Vethanayagam juga dituduh menipu Cito Marketing sehingga menyebabkan syarikat itu membayar RM10,320,750 kepada Oriental di tempat dan tarikh yang sama.

Dia didakwa mengikut Seksyen 366 (3) akta sama, jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara maksimum tujuh tahun atau denda RM30,000 atau kedua-duanya.

Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Mohamad Aziez Han Mohd Fadzil menawarkan jaminan RM80,000 bagi dua tuduhan dengan seorang penjamin, tetapi tertuduh melalui peguamnya merayu supaya jumlah itu dikurangkan atas alasan muflis dan suaminya hanya bekerja sebagai pemandu.

Mahkamah memerintahkan tertuduh diikat jamin RM25,000 dengan dua orang penjamin serta menetapkan 17 Jun ini untuk sebutan semula kes.